



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Skim Pembiayaan SPED-QARD. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat pembiayaan dinyatakan secara terperinci di Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian. Sila rujuk pihak Bank Rakyat jika anda tidak memahami sebarang perkara berkaitan dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan.

BANK RAKYAT

SPED-QARD

Tarikh: _____

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

- Produk ini menawarkan kemudahan pinjaman kepada usahawan Bumiputera luar Bandar melalui peruntukan dana oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk meningkatkan tahap ekonomi pengusaha.
- Pendaftaran Pinjaman di atas kapasiti Enterprise, Sdn Bhd atau Perkongsian Liabiliti Terhad sahaja.
- Pemilik syarikat hendaklah berumur dari 18 tahun semasa pendaftaran sehingga 60 tahun semasa tempoh tamat pinjaman.
- Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 1 tahun.
- Tempoh Pembiayaan: Minima 3 tahun sehingga 7 tahun.
- Tempoh Penagguhan: Sehingga 6 bulan.
- Tujuan Pinjaman: Modal Pusingan, Pembelian Mesin, Menaik taraf Premis Perniagaan.
- Jumlah Pinjaman: Sehingga RM250,000
- Pemberian Geran Kerajaan sebanyak 30% daripada pinjaman pokok yang dikeluarkan boleh dipertimbangkan mengikut kelulusan pihak KPLB.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

• Qard

Akad Pinjaman tanpa riba yang mesti dilunaskan oleh Pelanggan. Di mana Pemilik Dana (KPLB) memberikan dana pinjaman tanpa caj lebih kepada usahawan Bumiputera luar bandar melalui Bank Rakyat tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama.

• Wakalah Bil Ujrah

Wakalah bermaksud pihak Pemilik Dana (KPLB) sebagai Muwakkil bersetuju untuk mewakilkan Bank Rakyat bagi menyalurkan pinjaman dan mengutip bayaran balik bagi pihak mereka. Sebagai imbalan terhadap perkhidmatan tersebut, Bank Rakyat akan dibayar ujarah/upah atau yuran perkhidmatan oleh pihak Pemilik Dana (KPLB) yang ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.

3. Apakah yang saya akan dapat melalui tawaran dari produk ini?

- Jumlah pinjaman: _____
- Tempoh pinjaman: _____
- Kadar Keuntungan: **Tiada**

4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?

- Ansuran Semasa Tempoh Tangguhan: _____
- Ansuran bulanan: _____
- Yuran Perkhidmatan: **5% setahun atas baki bulanan**
- Jumlah keseluruhan pinjaman adalah: _____
- Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran adalah **Dibenarkan** dan akan dikira sebagai bayaran ansuran bulan hadapan.
- Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran **Tidak** akan memberi sebarang kesan terhadap pengiraan yuran perkhidmatan akaun pinjaman anda.
- **Tiada** caj dikenakan ke atas bayaran pendahuluan.

Nota: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan terma dan syarat pinjaman anda.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

- Yuran Proses: **Tiada**
- Duti Setem: **0.5%** dari jumlah pinjaman seperti yang terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989).

6. Perlindungan Takaful

- Pelanggan dinasihati mengambil perlindungan takaful (**MRTT**) daripada syarikat takaful yang dilantik oleh Bank.
- Walau bagaimanapun, anda adalah **Bebas** untuk menggunakan mana-mana syarikat takaful di Malaysia dan anda **Perlu** menguruskannya sendiri.

7. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang ditetapkan?

- Sekiranya Pelanggan menghadapi masalah dalam memenuhi tanggungjawab membayar balik ansuran bulanan, sila hubungi Bank dengan segera.
- Kelewatan membuat bayaran akan menyebabkan perkara-perkara berikut :-
 ✓ Caj Ganti Rugi (Ta'widh) :

Ketika Tempoh Pinjaman	1% setahun ke atas jumlah bayaran balik bulanan tertunggak.
Selepas Tamat Tempoh Pinjaman	Tidak melebihi kadar semalaman semasa Pasaran Wang antara Bank Islam ke atas baki tertunggak.

- Bank berhak menolak/mempelaras baki simpanan (Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i/Akaun Saham Keanggotaan) Pelanggan di Bank Rakyat sebagai bayaran balik ke atas jumlah tertunggak.

Nota: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh pelaksanaan pelarasan.

- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang dan segala kos ditanggung oleh Pelanggan.

8. Bagaimana sekiranya hutang pinjaman dilangsaikan sebelum tempoh matang?

- Bank tidak akan memberi rebat (ibra') kerana pinjaman adalah berbentuk pinjaman tanpa caj lebihan.

9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- Pelanggan masih bertanggungjawab memastikan bayaran balik ansuran bulanan dibuat seperti yang dinyatakan di dokumen perjanjian walaupun Pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Penjamin tidak diperlukan
- Cagaran tidak diperlukan **Melainkan** untuk mesin / peralatan yang dibiayai.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan maklumat?

- Pelanggan hendaklah menghubungi Bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat bagi memastikan urusan surat-menyurat dapat disampaikan mengikut masa yang ditetapkan.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian **1-300-80-5454** ATAU kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat yang berdekatan untuk sebarang perubahan maklumat Pelanggan.

14. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?	15. Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:	16. Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:
<p>Sekiranya Pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Risalah produk • Layari www.bankrakyat.com.my • Kementerian Pembangunan Luar Bandar <ul style="list-style-type: none"> ✓ No 47, Persiaran Perdana Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62100 Putrajaya ✓ Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (BPUD) ✓ Tel: 03-8891-5602 ✓ www.rurallink.gov.my 	<p>Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454</p> <ul style="list-style-type: none"> • 7:30 pagi hingga 9:30 malam Talian dibuka untuk semua pertanyaan. • 9:30 malam hingga 7:30 pagi Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad. <p>Atau; Talian Antarabangsa: +603 5526 9000</p> <p>Atau; Talian Faksimili: 03-2264 7301</p> <p>Atau; Emel ke: telerakyat@bankrakyat.com.my</p>	<p>Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454</p> <p>Atau menghantar aduan anda ke;</p> <p>Unit Biro Aduan Awam, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur</p> <p>Atau; Emel ke: aduan@bankrakyat.com.my</p> <p>Atau; Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-21741515 Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
15. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan atau pembelaan apabila menghadapi masalah membuat bayaran balik ansuran pinjaman?		
<p>Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran balik ansuran pinjaman, anda perlu menghubungi pihak Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif bayaran balik ansuran pinjaman di:</p> <p><u>Unit Perkhidmatan Pelanggan Bank Rakyat</u> Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No.33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur Tel: 1-300-80-5454</p> <p>Anda juga boleh menghubungi mana-mana cawangan Bank Rakyat berhampiran atau cawangan di mana pinjaman dibuat.</p> <p>Atau sebagai alternatif anda boleh menghubungi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan segera di alamat berikut:</p> <p><u>Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (BPUD)</u> Tingkat 19 No 47, Persiaran Perdana Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62100 Putrajaya Tel: 03-8891-5602 E-mel: www.rurallink.gov.my</p>		



Atau anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan khidmat nasihat daripada **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, sebuah agensi yang ditubuhkan oleh BNM yang menyediakan perkhidmatan secara percuma berkaitan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang individu.

Anda boleh menghubungi **AKPK** dengan segera di alamat berikut:

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-26167766
E-mail: enquiry@akpk.org.my

16. Lain-Lain Pakej Pinjaman Yang Ditawarkan (Nyatakan sekiranya ada)

- _____
- _____

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA TIDAK MELUNASKAN ANSURAN PINJAMAN ANDA.

- Produk telah diluluskan oleh ahli Jawatankuasa Syariah pada 13 Jun 2017.
- Helaian Pendedahan Produk telah dibaca, difahami & dipersetujui oleh pelanggan dan mestilah ditandatangani oleh pelanggan.
- Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian pendedahan ini sah pada atau sehingga _____.